

16 JAN 1996

JAWATANKUASA DISIPLIN TENTUKAN KEDUDUKAN SHAHRIL DAN AMIR KAHAR

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa Disiplin UMNO akan menentukan kedudukan bekas Ketua UMNO bahagian Johor Baharu, Datuk Shahril Samad dan bekas anggota UMNO Sabah, Amir Kahar Tun Mustapha.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jawatankuasa itu akan melaporkan kembali kepada Majlis Tertinggi (MT) mengenai sebarang keputusan yang akan dicapai mengenai kedua-duanya.

Shahril dikenakan tindakan disiplin kerana tidak memainkan peranan untuk membantu Barisan Nasional pada pilihan raya umum tahun lepas.

MT UMNO telah merujuk kes Amir Kahar kepada jawatankuasa itu kerana dia memohon semula untuk menyertai UMNO setelah dia keluar daripada parti dan menyertai PBS pada pilihan raya umum tahun lepas.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam tadi, katanya, MT juga bersetuju supaya UMNO membuka satu halaman dalam Internet.

Katanya, selain itu mesyuarat juga membincangkan mengenai sambutan ke-50 UMNO yang akan diadakan tahun ini.

Menurutnya, perayaan UMNO ke-50 adalah yang agak besar dan antara program yang disediakan termasuk larian membawa bendera, muzium gelari UMNO, pelancaran buku mengenai pergerakan wanita dan ekspo perniagaan tokoh-tokoh Melayu.

Katanya, acara lain ialah majlis tahlil, rapat umum, konvensyen pertubuhan-pertubuhan Melayu dan majlis Makan Malam pada 11 Mei.

Beliau juga berkata Perhimpunan Agung UMNO telah ditetapkan dari 3 hingga 5 Oktober depan. -- Bernama.